

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan individu yang telah meninggal dunia di negara kita akibat jangkitan wabak COVID-19 walaupun telah disuntik dengan dua dos suntikan vaksin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 16 September 2021, sebanyak 21,884 kes kematian COVID-19 telah direkodkan. Daripada jumlah kematian tersebut, pecahan mengikut rekod vaksinasi adalah seperti berikut:

- (a) tidak menerima sebarang vaksin: 15,895 kes atau 72.6%
- (b) belum mendapat vaksin yang lengkap: 4,551 kes atau 20.8%
- (c) telah menerima vaksin lengkap: 1,438 kes atau 6.6%

2. Bagi kes kematian melibatkan individu yang telah menerima vaksin lengkap, 89% daripadanya adalah individu yang mempunyai ko-morbiditi dengan 3 jenis penyakit tertinggi iaitu darah tinggi (67.8%), kencing manis (54.6%), dan penyakit berkaitan kolesterol - dislipidemia (48.0%). Selain itu, daripada kalangan penerima vaksin lengkap yang telah meninggal dunia, 78.2% adalah individu berumur 60 tahun dan ke atas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]**

**TARIKH : 7.10.2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI BIMOL** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan rancangan Kerajaan dari segi peruntukan bagi kos bina baru sistem paip bekalan air graviti dan kos penyelenggaraan di kawasan luar bandar bagi bekalan air graviti yang sedia ada yang amat diperlukan dan nyatakan dengan jelas agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan projek sebegini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, projek bekalan air alternatif termasuk di dalam skop pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi menyediakan bekalan air ke kampung yang tidak ekonomik untuk penyambungan paip retikulasi. Untuk melaksanakan projek BALB alternatif ini, sumber air alternatif seperti air bukit atau air bawah tanah di cadangan lokasi projek perlu dipastikan terlebih dahulu.

Bagi tujuan ini, waran peruntukan akan dikemukakan kepada Pejabat KPLB Negeri (PKN) sebagai Agensi Pelaksana. Pelaksanaan projek boleh dibuat dengan melibatkan Jabatan/ Agensi di peringkat negeri seperti Pejabat Daerah, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Negeri Sarawak dan seumpamanya. Perolehan projek ini dibuat dengan kaedah sebut harga bagi kos projek yang tidak melebihi RM800,000 untuk tahun 2021.

Projek yang telah siap akan diserahkan kepada komuniti kampung yang terlibat untuk digunakan dan diselenggara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN [ HANG TUAH JAYA ]**

**TARIKH : 7.10.2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan impak COVID-19 terhadap usahawan desa dan inisiatif Kementerian untuk membantu usahawan desa meneruskan perniagaan mereka melalui platform dalam talian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Impak Pandemik Covid-19 memberi kesan kepada sosio ekonomi seluruh dunia termasuk negara kita, Malaysia. Kesan langsung kepada usahawan luar bandar seperti kemerosotan permintaan dan penawaran produk, kekurangan stok bahan mentah, pengeluaran produk yang terhad, kesukaran membayar sewa premis perniagaan dan juga pinjaman perniagaan adalah kerana perniagaan secara fizikal perlu diberhentikan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sentiasa berusaha untuk membantu usahawan-usahawan yang terjejas dengan memperkenalkan beberapa insentif melalui pendekatan pendigitalan dalam meningkatkan pemasaran produk usahawan-usahawan luar bandar.

Salah satu usaha yang telah dilaksanakan adalah Program DesaMall@KPLB. Program ini merupakan kaedah peluasan pasaran produk serta perkhidmatan usahawan luar bandar melalui platform e-

Dagang seperti Lazada, Shopee, eBay, PrestoMall dan GrabMart di samping membantu usahawan luar bandar menambahbaik mutu dan kualiti produk untuk kesediaan berniaga dalam talian. Sehingga kini, nilai jualan di DesaMall adalah sebanyak RM2.6 juta melibatkan 2,781 usahawan.

Seterusnya, Kementerian juga akan menganjurkan Karnival Usahawan Desa secara dalam talian atau e-KUD@KPLB pada penghujung tahun 2021 sebagai platform dalam talian yang akan mempromosi dan memasarkan produk serta perkhidmatan keluaran luar bandar secara lebih meluas bagi membantu pengembangan perniagaan usahawan luar bandar seiring dengan keperluan pasaran semasa. Pada tahun lepas, e-KUD@KPLB telah berjaya menarik penglibatan sebanyak 2,405 usahawan KPLB dan juga 13 platform e-dagang dengan jumlah transaksi keseluruhan berjumlah RM12.2 juta.

Selain daripada itu, MARA juga telah menyediakan program *Live Biz Network* bagi membantu usahawan menggunakan pelbagai platform media sosial dan e-dagang. Program yang telah dimulakan pada Mac 2021 ini telah memperlihatkan penglibatan seramai 104 usahawan dengan jumlah jualan terkumpul sebanyak RM3.5 juta.

Sekian, terima kasih.